


Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Maklumat di bawah berkaitan dengan pelancongan di negara kita.
Huraikan pendapat anda tentang pelancongan di negara ini.
Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



eM MALAYSIA MALAYSIA

Promosi Kempen Pelancongan Domestik

Cuti-Cuti Malaysia

Dengarkan di Radio **KU**

26 Jun 2020 (Jumaat) 11.00 pagi - 11.15 pagi

Tetamu: Mohd Raj Bin Mohd Nor
Pengerah Tourism Malaysia
(Wilayah Tengah)

BANGUNAN BERSEJARAH YANG MENARIK UNTUK DILAWATI

@BULLETINMEDIA
fb.com/bulletinmedia

Bahagian B

[70 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

KUALA LUMPUR: Perpaduan kaum yang kian longgar amat membimbangkan kerana memberikan kesan buruk kepada masyarakat dan negara. Sukan merupakan medium perpaduan yang paling berkesan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Tanpa mengira bentuk sukan yang menjadi pilihan, sama ada bola sepak, badminton, olahraga dan bermacam-macam aktiviti sukan mampu mengeratkan perpaduan dalam kalangan penggemarnya. Setiap kali skuad negara bertarung di persada antarabangsa, pastinya rakyat pelbagai bangsa bersatu dalam memberikan sokongan padu kepada atlet negara yang berjuang di gelanggang sukan.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my>

Petikan berita di atas menjelaskan isu perpaduan di negara ini dan aktiviti sukan sangat berperanan sebagai agen perpaduan dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum.

Bincangkan.

2.

Menabung merupakan satu amalan yang baik dan perlu ditanam kepada setiap individu sejak di bangku sekolah lagi. Menabung didefinisikan sebagai 'menyimpan wang di dalam tabung' dan sering kali dikaitkan dengan tabungan atau simpanan wang atau duit (kertas dan syiling) Amalan ini memberikan kesan positif dan pelbagai faedah hasil daripada tabungan tersebut. Menabung kini boleh dilakukan secara fizikal dan perbankan Internet bergantung kepada kemudahan dan kesesuaian individu.

Sumber : <http://www.mywilayah.com>

Amalan menabung merupakan perkara penting dalam kehidupan seseorang. Anda sebagai Pengerusi Kelab Koperasi diminta untuk menyampaikan sebuah ceramah tentang amalan menabung dalam kehidupan sempena sambutan Hari Koperasi Sekolah.

Sediakan teks ceramah selengkapnya.

3.

Cuti persekolahan yang berjaya sudah tentu memerlukan perancangan agar masa murid dapat diisi dengan kegiatan bermanfaat sepanjang tempoh tersebut. Sudah menjadi trend sejak beberapa tahun belakangan ini, sebaik-baik sahaja tiba musim cuti sekolah, kebanyakan ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke kem motivasi atau kem jati diri. Hal ini dikatakan demikian kerana kem kecemerlangan seperti ini mampu meningkatkan pencapaian akademik, memberikan pengalaman baharu dan dapat meningkatkan nilai diri kepada murid yang menyertainya.

Sumber : *Harian Metro*, 25 November 2019

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa kem motivasi sangat berguna kepada murid semasa cuti sekolah. Mereka mampu berjaya dalam pelajaran apabila mempunyai motivasi yang tinggi.

Bincangkan usaha-usaha untuk menarik minat murid menyertainya.

4.

Kesungguhan kerajaan mewujudkan fasiliti 5G terbaik menjelang 2021 meningkatkan keyakinan orang ramai khususnya usahawan untuk terus berkecimpung dan mengendalikan urusan perniagaan mereka secara dalam talian.

Hal ini terbukti melalui kewujudan gedung maya yang menjual pelbagai produk dan perkhidmatan secara dalam talian seperti Lazada, Shopee, Alibaba, Zalora, e-Bay, Amazon.com, GoShop dan sebagainya. Namun begitu, kewujudannya semakin hari semakin gah dan menjadi perhatian ramai pengguna Internet terutamanya dalam kalangan mereka yang gemar membeli-belah secara dalam talian.

Sumber: Internet dan Masa Depan Perniagaan Dalam Talian
<https://www.sinarharian.com.my>

Anda bercita-cita ingin menjadi seorang usahawan dalam talian yang berjaya. Banyak bukti telah menunjukkan bahawa perniagaan secara dalam talian menjadi pilihan masyarakat kita.

Huraikan ciri-ciri perniagaan dalam talian yang mampu memajukan urusan niaga anda.